

Headline	Guru kaunseling perlu berdaftar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Color	Black/white
Page No	4	ArticleSize	482 cm ²
AdValue	RM 1,095	PR Value	RM 3,286



Guru kaunseling perlu berdaftar

MENANGANI masalah pelajar bukan tugas mudah namun cabaran itu perlu dilalui oleh hampir 15,000 guru kaunseling yang ditempatkan di 12,000 buah sekolah menengah dan rendah di seluruh negara.

Namun tidak banyak yang menyedari bahawa sebahagian besar daripada guru kaunseling itu tidak berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia sehingga kegiatan mereka tidak dapat dipantau.

Sebagai pengamal kaunseling profesional, mereka perlu mendaftarkan dengan Lembaga Kaunselor Malaysia, badan yang tertakluk di bawah Akta Kaunselor 1998 atau Undang-undang Malaysia Akta 580.

Ini bagi memudahkan Lembaga Kaunselor Malaysia menyelia khidmat kaunseling yang mereka laksanakan di sekolah selain menyelia latihan serta menentukan kelayakan seorang guru kaunseling.

Statistik Lembaga Kaunselor Malaysia menunjukkan hanya 2,540 guru sahaja mendaftarkan dengan lembaga yang diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Presidennya, Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din menyifatkan angka itu membimbangkan kerana setiap pengamal kaunseling sepatutnya mendaftarkan dengan lembaga itu.

Sekiranya guru kaunseling tidak berdaftar dan tidak mendapat sijil amalan daripada Lembaga Kaunselor Malaysia, tahap profesionalisme dan ketepatan kaedah kaunseling yang diberi di sekolah tidak dapat dipantau.

SALAH LAKU KAUNSELOR SEKOLAH

Sejak bidang kaunseling diperkenalkan di Universiti Per-

tanian (kini Universiti Putra) pada 1985 dan diikuti sembilan universiti tempatan lain, kira-kira 20,000 graduan bidang berkenaan telah dilahirkan.

Turut menghasilkan graduan itu ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Walaupun jumlah kaunselor yang dilahirkan di institusi-institusi pengajian tinggi itu kelihatan besar namun hanya 5,129 sahaja mendaftarkan dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.

"Sekiranya 80 peratus sahaja yang meneruskan kerjaya sebagai kaunselor daripada 20,000 graduan yang dikeluarkan, bermakna ada 16,000 kaunselor kelahiran universiti di Malaysia," katanya kepada Bernama di Kuala Lumpur semalam.

Keadaan ini perlu diambil perhatian serius kerana banyak isu etika, salah laku dan amalan salah dalam kalangan pengamal kaunseling atau mereka yang menjalankan perkhidmatan kaunseling.

"Seksyen 22 dan 23 Akta Kaunselor 1998 jelas menyebut bahawa seseorang yang menjalankan amalan kaunseling wajib berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia sebagai Kaunselor Berdaftar," katanya.

PERANAN LEMBAGA KAUNSELOR MALAYSIA

Peranan Lembaga Kaunselor Malaysia antara lain ialah menyelia pemberian khidmat kaunseling dan membuat peni-

laian bagi keperluan khidmat kaunseling di Malaysia, selain mengawal selia latihan kaunselor.

"Lembaga juga menentukan kaunselor itu berkelayakan atau sebaliknya untuk didaftarkan di bawah Akta Kaunselor 1998," katanya.

Banyak kes guru kaunseling gagal melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan hanya disebabkan mereka tidak mendaftarkan diri sebagai kaunselor berdaftar dan tidak memiliki sijil amalan.

Contohnya apabila kaunselor terbabit berhadapan dengan kes pelajar yang menjadi mangsa rogol namun mereka tidak boleh dirujuk untuk mengesahkannya kerana tidak mempunyai sijil.

"Mereka juga tidak boleh memberi keterangan di mahkamah bagi membantu kliennya serta gagal untuk memberi perlindungan. Perkara itu sudah pasti menyusahkan klien dan pihak sekolah sendiri," katanya.

Mengikut peraturan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), untuk menjaga dan meletakkan pelajar yang menjadi mangsa di rumah perlindungan, ia perlu dirujuk kepada pihak profesional terlebih dahulu untuk mengesahkannya.

"Namun apa yang terjadi, ramai guru kaunseling tidak boleh melakukan prosedur tersebut kerana tidak mempunyai sijil amalan dan terpaksa pula mengambil kaunselor dari luar seperti kaunselor JKM," katanya.

Mohamed Fadzil juga berkata satu kajian dijalankan pada tahun 2012 untuk melihat profil, jenis dan bentuk salah laku kaunselor di negara ini terutama

di sekolah-sekolah.

Daripada 856 responden yang terbabit dalam kajian itu, pihaknya mendapati terdapat 11 jenis salah laku yang dilakukan oleh kaunselor.

Antaranya tiada lesen pendaftaran, tiada sijil amalan yang sah, pelanggaran kerahsiaan, mewujudkan hubungan intim dengan pelanggan, mempengaruhi pelanggan dan gagal berfungsi menjaga hak pelanggan.

PENTINGNYA UNTUK MENDAFTAR

Mengenai kes empat beradik anak pasangan Malaysia yang ditahan pihak berkuasa di Sweden, Mohammed Fadzil menyifatkan ia sebagai kes yang perlu ditangani secara bijak dan berkesan oleh guru kaunseling.

Ini bagi memastikan empat beradik yang terpaksa berjauhan dengan ibu bapa mereka dapat menjalani kehidupan dan pembelajaran dengan sebaiknya.

Namun, sekiranya guru kaunseling di sekolah tempat mereka belajar sekarang tidak berdaftar, siapa yang boleh melindungi mereka?

Ujarnya ramai yang tidak tahu, bahawa hanya kaunselor yang boleh menggunakan profesionalismenya untuk melindungi pelanggan mereka terutama di sekolah.

Guru besar atau pengetua sekolah tidak mempunyai lesen profesional sebaliknya mereka hanya sebagai pentadbir, sedangkan guru kaunseling yang berdaftar dan berlesen mempunyai kuasa memberi perlindungan tertentu kepada pelanggan yang adalah pelajar, katanya.

Headline	Guru kaunseling perlu berdaftar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Color	Black/white
Page No	4	ArticleSize	482 cm ²
AdValue	RM 1,095	PR Value	RM 3,286

Keadaan sama juga diperlukan bagi kes kanak-kanak yang disembelih oleh bapanya di Bandar Baru Bangi baru-baru ini yang mana adik beradik mangsa juga sudah pasti mengalami trauma yang boleh mengganggu pembelajaran dan pembesaran mereka.

"Walau sebaik mana ustaz, ustazah atau guru-guru untuk membantu, ia tidak lebih sekadar sokongan. Mereka perlu dibantu oleh mereka yang

profesional iaitu kaunselor," katanya.

Menurut beliau, mereka terlindung dari segi undang-undang sebagai satu pendekatan psikososial bagi membantu menghadapi dan menyelesaikan masalah yang dilalui secara lebih baik dan berkesan.

GAGAL GUNAKAN FUNGSI

Mohamed Fadzil berkata, peningkatan kes jenayah membabitkan pelajar memerlukan

mereka diberi perlindungan sekiranya diperas ugut, dianiaya atau ancaman lain.

Dengan peruntukan di bawah Akta Kaunselor, guru kaunseling boleh melindungi pelanggan atau pelajar mereka, namun menjadi kebimbangan apabila ada guru kaunseling yang tidak berdaftar mempengaruhi pelanggan mereka untuk bertindak secara tidak betul.

"Ada juga yang gagal

mengikuti etika yang ditetapkan seperti menjaga kerahsiaan. Ini yang bahaya apabila mereka tidak profesional, ia memberi impak negatif yang akan merugikan sekolah, masyarakat dan negara," katanya.

Persoalannya, kata beliau, kenapa sistem profesionalisme yang telah ada di sekolah tidak didaftarkan bagi menangani pelbagai kes dengan lebih sempurna.— Bernama